

EKONOMI AUKUS

OLEH: ISMAIL HASHIM



Kamala Harris.

Naib Presiden Amerika Syarikat (AS), Kamala Harris mengadakan lawatan ke Singapura dan Vietnam untuk menjelaskan peranan AS di rantau Asia Timur.

Amerika Syarikat (AS) ialah kuasa dunia yang tidak boleh hidup tanpa mencetuskan ketengangan atau perang. Hal ini demikian kerana ekonomi AS dihidupkan dengan konfrantasi. Oleh itu, para penganalisis hubungan antarabangsa sering mengaitkan AS dengan ekonomi perang.

Ketika dunia berdepan dengan perang ekonomi dalam memerangi pandemik COVID-19, AS selepas berundur dari Afghanistan telah mencetuskan perang ekonomi apabila berdepan dengan China. Kalau dahulu dalam persengketaan dengan Kesatuan Soviet, banyak negara yang pro-Amerika membeli senjata dari AS dan sekutunya apabila berdepan dengan Kesatuan Soviet dan sekutunya. AS menghidupkan ekonomi melalui kerancangan pertumbuhan ekonomi industri persenjataan.

AS seolah-olah mahu menggunakan keadah ekonomi perang sebagai jalan untuk mengatasi masalah pertumbuhan ekonominya daripada COVID-19. Alasan yang digunakan oleh AS ialah cabaran keselamatan dan untuk melindungi rakan-rakan sekutunya di Asia Timur daripada ancaman China, terutamanya di Laut China Selatan. AS ingin membawa negara-negara di Asia Timur ke dalam orbit ekonomi perang supaya negara-negara yang takut akan ancaman China akan membeli peralatan peperangan yang berkaitan dengan teknologi perang dasar laut.

AS akan terus menggunakan taktik provokasi terhadap negara rantau Asia Timur supaya berada di bawah naungannya. Pada masa yang sama, provokasi juga akan berlegar di sekitar Taiwan supaya bebas daripada ancaman China. Walaupun Taiwan diakui di serata dunia sebagai sebahagian daripada China (termasuklah AS), tetapi Washington mahukan sebaliknya. Secara tidak langsung, AS masih menyokong kumpulan prokemerdekaan Taiwan dari China.

Pada masa ini, rantau Asia Timur sangat memerlukan pertumbuhan ekonomi dan membuka ruang pekerjaan daripada pembinaan kapal selam dan ketegangan antara dua buah kuasa besar. AS akan menggunakan kesempatan ini dalam memberikan bantuan kepada negara-negara yang terjejas teruk akibat COVID-19. Naib Presiden AS, Kamala Harris mengadakan lawatan ke Singapura dan Vietnam untuk

menjelaskan peranan AS di rantau Asia Timur. Perikatan pertahanan AUKUS ialah perjanjian pertahanan yang rakus kuasa yang ingin menggunakan wilayah Asia Timur. Selepas AS mengucar-ngacirkan rantau Asia Tengah dan Afghanistan, seterusnya mereka ingin memporak-perandakan rantau Asia Timur, terutamanya melalui *Littoral Combat Ship* (LCS).

Berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 dan pemulihan ekonomi, warga rantau Asia Pasifik memerlukan pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan, bukannya menjadikan wajah Asia Timur sebagai rantau untuk perdagangan berbilang hala dan menangani isu perubahan iklim.

Kini, rantau Asia Timur bertukar menjadi medan ketegangan dalam persaingan merebut kuasa untuk menguasai lautan, tidak memerlukan kapal selam dan tenaga nuklear.

China baharu sahaja membuat permohonan menyertai perjanjian komprehensif dan progresif perkongsian Rentas Pasifik. AS cuba mengocok keamanan ini dengan mengemukakan ancaman kepada China. AS keluar daripada perjanjian *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) semasa Donald Trump menjadi Presiden AS. Malah, Malaysia menyuarakan kegusaran terhadap kerjasama tiga hala, iaitu antara Australia, United Kingdom dan AS dikenali sebagai "AUKUS" yang bakal memangkin perlumbaan senjata nuklear di rantau Indo-Pasifik.

Pengumuman AUKUS berlaku pada masa yang agak sama dengan Sidang Kemuncak



Littoral Combat Ship (LTS).

Kerjasama Shanghai dan Pertubuhan Perjanjian Sekuriti Kolektif yang dianggotai oleh negara Asia Tengah dan Rusia. Adakah hal ini menandakan bermulanya secara rasmi perang dingin AS – China?

Donald Trump ketika menjadi Presiden AS pernah membuat kenyataan dalam National Security Strategy pada tahun 2017 bahawa China ialah musuh utama AS. Ketika itu, pentadbiran beliau pernah mewujudkan perikatan empat buah negara, iaitu Australia, Jepun, Korea Selatan, dan India, tetapi selepas rundingan awal Jepun dan Korea Selatan tidak menyetujui kerana bimbang dengan tindak balas Beijing sekiranya AS menggunakan jalan darat, udara dan laut untuk menyerang China.

AUKUS sememangnya menganjurkan ekonomi rakus. Australia ialah kawasan dengan situasi geopolitik yang strategik. Australia terletak berdekatan dengan LCS dalam jaringan Selat Melaka, Laut Sulu, Selat Bali, kawasan laut di antara Australia dan Papua New Guinea yang dikenali sebagai Laut Arafura dan kawasan laut bersempadan dengan Indonesia. Keadaan ini membuka laluan ke Lautan Hindi dan dalam radius dan jangkauan Australia dan AUKUS. Dari Australia, AUKUS boleh memantau pergerakan kapal tentera laut dan kapal selam China.

Negara-negara LCS, terutamanya Malaysia haruslah bijaksana mengendalikan isu AUKUS agar tiada ketegangan rasmi dicituskan. Hal ini demikian kerana kita baru hendak menjalankan pemulihan ekonomi melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Negara-negara ASEAN harus bersatu hati, mengelak daripada sebarang sengketa yang mungkin tercetus daripada dua kuasa besar ini. BERO

Penulis ialah pensyarah di Jabatan Komunikasi, Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran, Universiti Selangor (UNISEL).